

**Antara bantuan yang telah disalurkan menggunakan harta Baitulmal
(Kumpulan Wang Pentadbiran Am)**



2015

Bantuan sebanyak B\$500,625.00 kepada Persatuan Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU) bagi pembinaan bangunan pusat keugamaan dan kegiatan persatuan berkenaan.



2018

Sumbangan Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam kepada Tabung Palestine, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebanyak USD500,000.00.



2019

Pembentahan pembelian komputer riba bagi penuntut-penuntut sekolah Arab dan sekolah ugama yang kurang berkemampuan.



2020

Bantuan Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam kepada golongan peniaga tamu, gerai, pasar, pemandu perahu tambang, pemandu taxi dan pemandu Dart yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 sebanyak B\$1.9 juta.



2020

Bantuan sebanyak B\$400,000.00 kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam bagi pembinaan surau baru di pusat berkenaan.



2023

Bantuan sejumlah perunitukan kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) iaitu Geran Penyelidikan khusus bagi Perkembangan Zakat di Negara Brunei Darussalam.



Sebarang urusan berkaitan hal ehwal baitulmal bolehlah membuat perjumpaan di kaunter Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB).



8292526



www.mora.gov.bn



juzwab_kheu



juzwab



جباٰن اور ولسٽ زڪٰة، وقف طانٰن بيت المٰل
JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL

Kementerian Hal Ehwal Ugama | Negara Brunei Darussalam

BAHAGIAN WAQAF DAN BAITULMAL

**Apa itu
Baitulmal?**



Apakah yang dimaksudkan dengan BAITULMAL (بيت المال)?

Baitulmal berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bererti 'bait' rumah dan 'mal' harta.

Majlis Ugama Islam adalah merupakan pemegang amanah bagi mentadbir dan menguruskan harta baitulmal di negara ini.

Dalam hal ehwal **urusan pentadbiran** dan pengurusannya, sebahagian harta baitulmal adalah di bawah pengurusan **Bahagian Waqaf dan Baitulmal, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB)** bermula pada 01 Muharram 1445H / 19 Julai 2023M yang sebelumnya di bawah Jabatan Majlis Ugama Islam.

Harta baitulmal itu dikumpul sebagai satu kumpulan harta yang dinamakan Kumpulan Wang Pentadbiran Am dan ditadbir oleh Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam.

Sebahagian daripada harta baitulmal itu diperuntukkan kepada **Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (BTHMUI)** untuk tujuan pengembangan dan pelaburan.



Sumber harta Baitulmal

Harta baitulmal adalah diperolehi antara lain daripada sumber-sumber berikut :-

- Bayaran denda mahkamah-mahkamah Syariah
- Wang faedah (*interest*) bank yang diserahkan
- Pendaftaran nikah, kebenaran nikah dan poligami
- Bayaran sijil nikah, cerai dan rujuk
- Bayaran sijil penyembelihan, sijil halal, lesen halal, import permit halal dan tanda halal
- Harta yang tidak habis diwarisi
- Harta luqatah
- Lain-lain

Aset-Aset Baitulmal


yang dikembangkan oleh BTHMUI

162 unit

(penyewaan & pejabat)

1 buah

anak syarikat



Pengertian

Harta yang tidak habis diwarisi

Harta pusaka milik orang Islam yang jatuh kesemuanya atau sebahagian haknya kepada Baitulmal setelah perkiraan faraidh yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Harta luqatah

Harta yang tercincir dan tidak diketahui pemiliknya



Statistik tanah-tanah Baitulmal sehingga tahun 2023



Daerah	Jumlah Lot	Jumlah Ekar
Brunei Muara	89	63.111
Tutong	14	9.661
Belait	7	8.096
Temburong	5	6.251

Daerah	Jumlah Lot	Jumlah Ekar
Brunei Muara	111	48.565
Tutong	29	18.815
Belait	19	22.956
Temburong	11	10.265